

# PBDS perlu atasi krisis sebelum pilihan raya

BH. 2/2/03

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) yakin Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) mampu menyelesaikan masalah dalaman parti itu sebelum pilihan raya umum diadakan, kata Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri yang akan mengetuai BN pada pilihan raya umum akan datang, percaya krisis yang melanda parti itu sekarang tidak akan menjejaskan persiapan BN.

Mengulas tindakan Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatan presiden parti itu dan tidak menghalang perebutan jawatan, berbanding Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memastikan Umno semakin kukuh dan mantap sebelum melepaskan jawatan Oktober ini, Abdullab berkata:

“Itu pendekatan masing-masing. Parti kita (Umno) parti besar. Kalau kita biarkan masalah berlaku, ia akan menjadi besar.

“Dr Mahathir mahu memastikan tidak ada masalah dalam Umno dan parti akan terus stabil daripada masa beliau masih menjadi pemimpin sehinggalah bersara dan menyerahkan kepada saya untuk mengambil alih.

“Kita akan tengok macam mana pendekatan Moggie dalam hal ini. Ini kerana Moggie sendiri rasa adalah lebih baik masalah itu diselesaikan oleh pengganti beliau,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan di Persidangan Pasukan Kepimpinan Kumpulan Standard Chartered di Hotel Shangri-La di sini, semalam.